



SIARAN AKHBAR

PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN INTERNATIONAL STANDARDS ON AUDITING (ISAs) DAN INTERNATIONAL STANDARDS ON QUALITY CONTROL (ISQCs) DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Public Accountants Oversight Committee (PAOC) sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi akauntan awam dan entiti perakaunan yang berdaftar di bawah Perintah Akauntan, 2010 untuk menggunakan *International Standards on Auditing* (ISAs) dan *International Standards on Quality Control* (ISQCs) yang dikeluarkan oleh *International Auditing and Assurance Standards Board* (IAASB) of the *International Federation of Accountants* (IFAC) berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021.

Antara manfaat-manfaat yang akan diperolehi daripada pengenalan dan penggunaan piawaian-piawaian tersebut adalah seperti berikut:

- i) Memastikan audit telah dilaksanakan oleh akauntan awam dan entiti perakaunan dengan *due diligence*, cekap dan cermat serta mematuhi prinsip asas dan prosedur penting yang selaras dengan amalan terbaik antarabangsa;
- ii) Memberi jaminan yang munasabah bahawa entiti perakaunan dan kakitangannya mematuhi piawaian profesional dan keperluan undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Di samping itu, laporan-laporan yang dikeluarkan oleh firma atau *engagement partners* yang berkenaan adalah sesuai dengan keadaan; dan
- iii) Meningkatkan keyakinan pihak-pihak berkepentingan seperti pelabur, pengawalselia, pemiutang dan yang lain yang bergantung kepada pendapat audit yang diberikan ke atas penyata kewangan entiti-entiti perniagaan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi Sekretariat PAOC melalui emel revenue@mofe.gov.bn atau di talian 2383933/2390651.

Public Accountants Oversight Committee (PAOC)
Tarikh: 5 Disember 2020

